

17 DEC 2002

DR MAHATHIR AKAN SERIKAN DEKLAMASI ANGKASAPURI 2002 AHAD INI

KUALA LUMPUR, 17 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan sajaknya bertajuk "Menghadapi Cabaran Menatang Bangsa" pada Deklamasi Angkasapuri 2002 di sini, Ahad ini.

Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainudin Maidin berkata sajak Dr Mahathir itu antara lain mengandungi perasaan kecewanya terhadap kaum Melayu yang masih berpegang kepada tongkat.

Beliau memberitahu sidang media di sini bahawa penyanyi Siti Nurhaliza juga akan menyampaikan lagu bertajuk "Lelaki" khusus untuk Dr Mahathir pada majlis itu yang mengandungi acara deklamasi puisi, sajak, lakonan, sketsa drama dan lagu-lagu puisi.

Deklamasi Angkasapuri 2002 juga akan memberikan penghargaan khas kepada sasterawan negara Allahyarham Datuk Dr Usman Awang yang karya-karyanya banyak berbentuk protes tetapi membina.

Acara itu, yang akan diadakan di Auditorium Perdana, Angkasapuri mulai 9 malam, mengandungi empat segmen iaitu Cinta, Ketuhanan dan Kemanusiaan serta penghargaan kepada Sasterwan Negara dan Patriotik yang dikhaskan untuk Dr Mahathir.

Antara penyajak yang terlibat dalam acara itu ialah Kumpulan Puncak Santubong Unimas, Zubir Ali, Pyan Habib, Uthaya Sankar SB dan Zacharia Abdul Majid.

-- BERNAMA

MFZ HK NAK